


Muzium Diraja

Seri Menanti

OLEH. ROSLAN ZAINAL.

Istana lama jadi Muzium Diraja Negeri Sembilan



MENARIK... satu daripada katil diraja yang mempunyai ukiran unik.

Oleh Roslan Zainal

BANDAR Diraja Negeri Sembilan, Seri Menanti dekat Kuala Pilah, memiliki keistimewaan tersendiri, termasuk istana lama yang diakui antara bangunan paling unik dalam peta pelancongan negara.

Istana kayu lima tingkat yang dibina pada 1902 dan menjadi tempat bersemayam almarhum Yang Dipertuan Tuanku Muhammad ibni Almarhum Tuanku Antah, kini diisytiharkan sebagai Muzium Diraja Negeri Sembilan.

Perisytiharan itu dilakuan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman, sempena sambutan Jubli Perak pemerintahannya.

Rekabentuknya bercirikan senibina Minangkabau yang diilhamkan oleh dua tukang kayu tempatan, Tukang Kahar dan Tukang Taib. Mereka mengambil masa enam tahun menyiapkan istana itu tanpa menggunakan paku.

Mengikut sejarah, empat batang tiang tengah istana itu menggunakan kayu penak setinggi 19.9

meter, dibawa dari Hutan Jelebu menggunakan empat kereta lembu, membabitkan 32 lembu penarik.

Istana itu mempunyai 99 batang tiang melambangkan 99 pegawai istana, membabitkan pembesar adat perpatih. Jawatan itu kekal sampai sekarang.

Istana lama itu mula menjadi tumpuan pelancong tempatan dan asing pada 1935, berikutan perpindahan tempat bersemayam Yang Dipertuan Besar ke Istana Besar yang baru.

Selain menjadi tumpuan pelancong, di bahagian bawahnya yang luas pernah dijadikan sekolah agama rakyat.

Berdasarkan keindahan dan menarik serta ciri nilai senibina yang unik dan bersejarah, Taman Seni Budaya Negeri Sembilan, memutuskan memelihara dan mewariskannya.

Rekabentuk dan ukiran yang indah di bahagian tiang serta anjung sering menjadi tumpuan pengkaji dan pencinta sejarah.

Antara ukiran itu ialah bunga tampuk manggis,



INDAH... bangunan Istana Lama Seri Menanti diisytihar sebagai Muzium Diraja Negeri Sembilan.

awan berarak, bunga semantung, gunung-gunung dan lambai-lambai.

Jurucakap Taman Seni Budaya negeri berkata, projek pemeliharaan muzium itu membabitkan kos \$1 juta bagi kerja ubahsuai ruang pameran serta pengindahan halaman.

"Sebagai mazium, lebih ramai pengunjung berpeluang menyaksikan pelbagai khazanah diraja di samping keunikan bangunan istana itu," katanya.

Antara yang dipamerkan ialah senjata lama,

gambar bersejarah dan peralatan yang pernah digunakan Yang Dipertuan Besar sebelum ini.

"Empat katil peraduan diraja berukiran suasa juga dipamerkan yang pastinya menarik perhatian pengunjung."

"Kini, lebih banyak koleksi dipamerkan menerusi sumbangan kerabat diraja," katanya.

Pengalaman istimewa pelancong yang mengunjungi istana lama itu ialah berpeluang menaiki

tangga yang condong 90 darjah dari tingkat tiga ke tingkat lima dan melihat pemandangan sekitarnya menerusi jendela.

Dari jendela, pengunjung dapat melihat keindahan pemandangan seluruh pekan diraja itu.

Bandar Seri Menanti hanya kira-kira 25 kilometer dari Seremban dan kedudukannya lima kilometer dari jalan utama, menjauhinya daripada kesibukan lalu lintas dan kebisingan kota.

Selain tempat bersemayam Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan pusat adat-istiadat diraja, kedudukan geografinya yang dilakari banjaran gunung dengan kehijauan hutan sememangnya mempesonakan pengunjung.

Bandar diraja ini terus membangun. Selain muzium diraja, infrastruktur yang sempurna, pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi disediakan bagi faedah rakyat.

ISTANA LAMA SRI MENANTI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Latar Belakang Sejarah

ISTANA Lama Sri Menanti ialah istana kayu yang telah dibina untuk menggantikan istana lama yang telah dibakar oleh askar-askar Inggeris semasa mengejar Yam Tuan Antah pada bulan Disember, 1875. Sekembalinya Yam Tuan Antah ke Negeri Sembilan dalam tahun 1877 dengan gelaran sebagai Yam Tuan Sri Menanti, sebuah istana kayu yang baru telah dibina oleh Baginda. Apabila Tunku Muhamad (Putera Sulong Yam Tuan Antah) menjadi Yam Tuan pada tahun 1888, Baginda telah tinggal di istana ini. Setelah gelaran Yam Tuan Besar Negeri Sembilan dikembalikan kepada Baginda dalam tahun 1889 dan kerana bertambahnya pengaruh serta tanggungjawab Baginda maka adalah dirasakan perlu untuk dibina sebuah istana yang baru serta besar. Tunku Mohamad telah memerintah supaya dibina sebuah istana batu.

Istana ini mula dibina pada tahun 1902 dan selesai pada tahun 1908. Bentuk istana ini direka oleh Tukang Kahar dan Tukang Taib. Pelan istana ini telah dilukis oleh Jabatan Kerja Raya yang diketuai oleh En. Woodford. Istana ini telah menjadi tempat kediaman rasmi D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Tunku Muhamad (Yang di-Pertuan Besar Ke Tujuh Yang Memerintah Dari Tahun 1888 hingga 1933) sehingga 1931. Selepas itu Baginda telah berpindah ke Istana baru yang dibina dari batu (Istana Besar Sri Menanti) iaitu tidak berapa jauh dari Istana Lama Sri Menanti. Istana lama tersebut kemudiannya diistiharkan sebagai Muzium Di Raja dan dirasmikan pada 14 Julai 1992 oleh D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

MUZIUM NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MUZIUM Negeri, Negeri Sembilan ialah sebuah Muzium yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan di bawah Enakmen No. 5 / 1956 State of Negeri Sembilan yang membolehkan penubuhan sebuah Perbadanan yang dikenali dengan nama Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Bangunan Muzium Negeri adalah berasal dari Istana Ampang Tinggi. Bangunan ini telah direka dan mula didirikan oleh D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke lima, iaitu Yam Tuan Ulin (dikenali dengan nama Yam Tuan Imam) memerintah dari tahun 1861 hingga 1869. Bangunan ini berukuran 66 1/2 kaki panjang dan 23 1/2 kaki lebar. Ukiran-ukirannya telah ditambah oleh Tengku Muda Chik, menantu Yam Tuan Ulin dan kemudiannya menjadi hakmilik Tunku Halijah sehingga Baginda mangkat pada tahun 1921.

Istana ini telah diruntuhkan pada tahun 1953 dan semua kayu-kayu yang boleh digunakan telah dibawa ke Seremban dan dibina sebuah bangunan yang diistiharkan sebagai Muzium Negeri, Negeri Sembilan dengan resminya pada 8 Julai 1986.